

TV melayang dari langit

HARJON METRO 04/04/2018 M/S 8

Perkakas dibaling individu tak bertanggungjawab dari tingkat 13 pangsapuri hempap kereta

Nurul Hidayah Bahaudin
am@hmetro.com.my

Ampang

Tindakan tidak bertanggungjawab individu dipercayai memaling televisyen dari tingkat 13 pangsapuri di Taman Seri Intan di sini, mengakibatkan kerosakan sebuah kereta.

Kejadian disedari pemilik kereta Perodua Myvi itu jam 12 tengah hari, kelmarin.

Bagaimanapun, televisyen seberat hampir 10 kilogram yang dibaling itu tidak mengenai penghuni atau orang awam.

Ketua Polis Daerah Ampang Jaya Asisten Komisiner Hamzah Alias berkata, pihak pengurusan pangsapuri membuat aduan berhubung kejadian itu pada jam 12.50 tengah hari.

"Ketika kejadian, kakitangan pengurusan pangsapuri berada di kebun berhampiran



TELEVISYEN yang dibaling menghempap sebuah kereta di sebuah pangsapuri di Taman Seri Intan.

sebelum menyedari satu objek iaitu televisyen dibuang dari tingkat atas dan terkena Perodua Myvi.

"Polis mengambil keterangan pemilik kereta berkenaan dan mendapati pemilik televisyen ialah penghuni di

tingkat 13 blok pangsapuri itu," katanya.

Hamzah berkata, berdasarkan keterangan pemilik

televisyen, dia meletakkan televisyen itu di depan rumah kerana rosak dan mahu membuangnya.

"Ia diletakkan di depan rumah sejak tiga minggu lalu kerana ketika mahu membuang televisyen itu ia menghempap kakinya (pemilik) menyebabkan hanya diletakkan di depan rumah.

"Pemilik televisyen memaklumkan dia tidak mengetahui individu yang membuangnya ke bawah. Siasatan dijalankan pegawai penyiasat mendapati tiada saksi kejadian dan tiada kamera litar tertutup (CCTV) di lokasi berkenaan," katanya.

Tindakan tidak bertanggungjawab itu mengundang kemarahan dan kebimbangan penghuni serta orang awam kerana ia boleh menyebabkan kecelakaan sekali gus mengancam nyawa.

Dalam kejadian 15 Januari lalu, seorang remaja lelaki berusia 15 tahun maut selepas ditimpa sebuah kerusi dipercayai dicampak dari tingkat atas Blok 102 Projek Perumahan Rakyat (PFR) Seri Pantai, Pantai Dalam di sini.